

18 JUN 1997

Malaysia-Lubnan

MALAYSIA BERIKRAR SOKONG LUBNAN TERHADAP PENCEROBOHAN ISRAEL

Oleh: Mokhtar Hussain

BEIRUT, 18 Jun (Bernama) -- Malaysia melahirkan sokongan kepada Lubnan terhadap pencerobohan Israel dan berikrar untuk berusaha pada forum-forum antarabangsa bagi memastikan pengunduran tentera Israel dari wilayah di selatan Lubnan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebagai negara yang pernah dilanggar oleh tentera Jepun, Malaysia bersimpati dan memahami perasaan rakyat Lubnan.

"Malaysia akan membantu bukan melalui peperangan tetapi melalui saluran diplomatik," kata beliau semasa melawat bandaraya pelabuhan Sidon, kira-kira 50 km dari sempadan di selatan Lubnan yang kini diduduki oleh tentera Israel.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap pada jamuan tengah hari meraikan beliau oleh Gabenor Sidon Puan Bahia Hariri, yang juga saudara perempuan kepada Perdana Menteri Rafic Hariri.

Sidon, kira-kira 43 km ke selatan Beirut dan tempat kelahiran Rafic Hariri terselamat daripada pencerobohan Israel dan kini merupakan pusat peranginan laut yang popular di kalangan rakyat negara itu.

"Tetapi anda masih boleh mendengar bunyi tembakan dan pengeboman di selatan. Mereka (Israel) cuba membina penempatan Yahudi di kawasan itu," kata seorang pegawai Lubnan di sini.

Dr Mahathir juga menyatakan pendirian Malaysia mengenai isu itu apabila beliau mengadakan pertemuan secara peribadi dengan Hariri di sini sebelumnya.

Ketika bercakap kepada pemberita mengenai pertemuan itu, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata kedua-dua pemimpin sependapat bahawa proses damai di Asia Barat tidak mungkin tercapai selagi Perdana Menteri Benjamin Netanyahu memimpin regim Israel.

"Kedua-dua pemimpin mengakui selagi Netanyahu memimpin Israel, tidak nampak tanda tercapainya keamanan di Asia Barat kerana pemimpin Yahudi itu tidak menghormati perjanjian damai Israel-Palestin yang diusahakan oleh pemimpin sebelumnya," kata Abdullah.

Walaupun beberapa buah kereta kebal kelihatan serta kehadiran pos kawalan tentera Syria di tempat tertentu berhampiran Sidon, proses membangunkan Sidon rancak dilaksanakan dengan pembinaan lebuh raya dan pangsapuri tebing bukit menghadap Laut Mediterranean.

Tentera Syria merupakan sekutu rapat Lubnan terutama semasa perang saudara pada tahun 1975 dan juga semasa serangan Israel terhadap khemah pelarian Palestin di Lubnan. -- BERNAMA

MOK FAZ